

'Tak perlu cetus konflik tangani pertikaian di Laut China Selatan'

PM tolak tanggapan China agresif, hanya naratif Barat

Daripada Qistina Sallehuddin
bhnews@bt.com.my

di Shanghai



Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tidak semestinya perlu wujud sebarang konflik dengan China dalam usaha menyelesaikan isu berbantak di Laut China Selatan.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia sentiasa jelas dalam pertikaian Laut China Selatan.

"Jika ada sebarang isu, kita bincang secara dua hala atau multilateral, tetapi kita juga menggunakan ASEAN sebagai mekanisme.

"Tidak semestinya ada sebarang konflik (dalam menyelesaikan perkara itu)," katanya kepada Media Malaysia pada hari terakhir lawatan kerja ke China semalam.

Anwar berkata demikian ketika diminta mengenai hubungan Malaysia dengan China di tengah-tengah ketegangan berhubung isu Laut China Selatan.

Hadir pada sidang media itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Ab-

dul Aziz dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata negara ASEAN mesti bersatu untuk mempertahankan tuntutan kedaulatan Beijing ke atas Laut China Selatan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menolak tanggapan bahawa China adalah 'agresif', sebaliknya menyifatkan tanggapan itu sebagai naratif hasil kerja 'kapitalis Barat'.

Pada Oktober, Mohamad berkata, Malaysia, bersama negara ASEAN sedang berunding rangka kerja Tatakelakuan di Laut China Selatan dengan China untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di rantau itu.


Mohamad juga berkata, rangka kerja itu akan dibangunkan tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim setiap negara.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, beliau akan mengundang Presiden China, Xi Jinping, untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Campur China pada tahun depan.

Undangan ini sejajar dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

"Saya berharap beliau datang kerana dia menganggap Malaysia sebagai kawan yang hebat. Jadi saya rasa pemimpin seperti Presiden Xi Jinping perlu mempertimbangkan komitmennya juga secara domestik dan antarabangsa," katanya yang turut bertemu dengan Jinping petang semalam.

Mengulas hubungan Malaysia



Anwar mendengar penerangan ketika melawat Pusat Taklimat Eksekutif Huawei di Beijing, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan China yang semakin erat, Anwar berkata, ia tidak bermaksud Malaysia menyebelahi mana-mana pihak termasuk urusan hubungan kepimpinan serta pelaburan dan perdagangan.

Perdana Menteri, bagaimanapun berkata, selain urusan perdagangan, China mempunyai pendirian yang lebih dekat dengan Malaysia berbanding kebanyakan negara lain termasuk situasi di Gaza.

"Kita ambil sikap yang seder-

hana. Maksudnya pertengahan, ada hubungan dengan baik. Negara China itu sambutan sangat akrab dan dianggap kita ini sebagai kawan, jadi banyak hal seperti BRICS, kerjasama dua hala, MoU (Memorandum Persefahaman) perdagangan itu diberikan perhatian.

"Banyak orang menyatakan kita ini memihak tetapi tidak, banyak isu yang kita bincang kerana soal Gaza, pendirian China lebih dekat dengan kita berbanding kebanyakan negara

lain," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan ketika bertemu Jinping di Great Hall of The People, Anwar turut menegaskan komitmen Malaysia mengukuhkan kerjasama dengan China, dalam bidang perdagangan dan objektif global yang lebih luas.

Anwar melahirkan rasa terima kasihnya atas sokongan berterusan China dan menekankan kepentingan nilai dan visi bersama antara kedua-dua negara.